**PEKELILING**

**SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

**BIL. 2 TAHUN 2018**

---

**PEMBATALAN PEKELILING BIL.6 TAHUN 2017**

**TARIKH: 31 Oktober 2018**

## PEMBATALAN PEKELILING BIL.6 TAHUN 2017

## 1.0 TUJUAN

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pembatalan Pekeliling Bil.6 Tahun 2017.

## 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat ("S.P.A.D.") bertanggungjawab untuk menggubal polisi, merancang dan mengawal selia pengangkutan awam darat dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti yang termaktub di dalam Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 ("Akta 714") dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 ("Akta 715") yang telah berkuat kuasa sepenuhnya pada 31 Januari 2011.

2.2 Bagi memenuhi matlamat Program Transformasi Industri Teksi ("TITP"), S.P.A.D. telah mengeluarkan Garis Panduan Bil. 1 Tahun 2018: Garis Panduan bagi Perkhidmatan Kenderaan Perkhidmatan Awam kelas Teksi, Kereta Sewa dan Teksi Mewah pada 29 Oktober 2018.

## 3.0 PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

3.1 S.P.A.D. dengan ini akan membatalkan Pekeliling Bil.6 Tahun 2017.

3.2 Pengendali berlesen bagi Perkhidmatan Kenderaan Perkhidmatan Awam ("PKPA") kelas teksi, kereta sewa dan teksi mewah adalah tertakluk kepada Garis Panduan Bil. 1 Tahun 2018: Garis Panduan bagi Perkhidmatan Kenderaan Perkhidmatan Awam kelas Teksi, Kereta Sewa dan Teksi Mewah.

## 4.0 PEMAKAIAN

4.1 Pekeliling ini terpakai kepada semua pengendali berlesen PKPA kelas teksi, kereta sewa dan teksi mewah.

## 5.0 TARIKH KUAT KUASA

5.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh Pekeliling ini dikeluarkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**(MOHD AZHARUDDIN BIN MAT SAH)**
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat